



Menjelang Pilihanraya Umum Ke-14 yang bakal berlangsung dalam masa yang terdekat ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang ingin menyatakan bahawa terdapat panduan untuk mengemukakan Permohonan Permit Iklan Sempena Pilihanraya bagi mana-mana parti atau individu politik yang ingin berbuat demikian.

Permohonan permit ini selaras dengan Undang-Undang Kecil Pilihan Raya Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1990. Diharapkan pihak-pihak yang terlibat akan mematuhi panduan yang telah disediakan oleh pihak Majlis.



UNDANG UNDANG KECIL PILIHAN RAYA MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG 1990

PANDUAN UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PERMIT

1. Borang hendaklah dimuat turun melalui laman web Majlis Bandaraya Pulau Pinang www.mbpp.gov.my
2. Permohonan untuk permit bagi mempamerkan iklan pilihanraya hendaklah dibuat oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihanraya berkenaan atau jika orang yang hendak bertanding itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri.
3. Borang permohonan hendaklah diisi dengan kemas, lengkap dan teratur. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak teratur tidak akan dipertimbangkan.
4. Borang permohonan hanya boleh dikemukakan selepas pengumuman tarikh penamaan calon dan tarikh mengundi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
5. Borang permohonan yang telah dilengkapkan itu hendaklah dikemukakan sendiri di Kaunter Penerangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Paras 3, Komtar berserta dengan deposit sebanyak RM50.00 bagi setiap permohonan.
6. Bil wang cengkeram (deposit) akan dikeluarkan bagi setiap permohonan yang lengkap dan pemohon/wakil hendaklah menjelaskan bayaran di kaunter pembayaran MBPP Paras 3 Komtar pada hari bekerja mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.



**UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN PILIHANRAYA)
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

(BORANG PERMOHONAN)
(Undang-undang Kecil 4)

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 17, KOMTAR
Jalan Penang
10675 Pulau Pinang.

Kami,
(Nama penuh Parti Politik dengan HURUF BESAR)

beralamat :

.....
Saya, (orang yang tiada gabungan dengan mana-mana Parti Politik)

.....
No. Kad Pengenalan : beralamat :

.....
memohon untuk mendapatkan permit untuk mempamerkan iklan pilihanraya di bawah Undang-undang Kecil 4, Undang-undang Kecil (Iklan Pilihanraya) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1990.

2. Jenis iklan

.....
dipamerkan dengan cara sepertimana dibenarkan dalam perkara 10(1), (a), (b) dan (c), Undang-undang Kecil (Iklan Pilihanraya), Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1990

di Bahagian Pilihanraya Dewan Rakyat / Dewan Undangan Negeri *

.....
3. * Kami / Saya lampirkan wang sebanyak Lima Puluh Ringgit Malaysia (RM50.00) sebagai deposit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan Undang-undang Kecil tersebut.

Bertarikh :
(Tandatangan Pemohon)

Nama Penuh :

No. Telefon :

** Potong mana yang tidak berkenaan*

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diterima oleh :

Tarikh :

**SYARAT-SYARAT PARTI POLITIK MENAMPAL POSTER MEMBINA BILL-BOARD
DAN SEBAGAINYA DI BAWAH UNDANG-UNDANG IKLAN PILIHANRAYA 1990
MPPP**

1. Dilarang mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihanraya di mana-mana lebuah atau tempat tanpa permit yang dikeluarkan oleh YBhg. Datuk Bandar.
2. Iklan pilihanraya ini hanya boleh dipamerkan selepas Penamaan Calon.
3. Wang Cagaran sejumlah (RM 50.00) Lima Puluh Ringgit sebagai Deposit bagi pematuhan syarat-syarat pematuhan permit dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini.
4. Tiap-tiap pemegang permit hendaklah dalam masa empat belas hari (14) selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihanraya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan.
5. Sesuatu iklan pilihanraya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja :
 - a. dengan melekatkannya pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit.
 - b. dengan menggantungkan iklan pilihanraya itu disepanjang mana-mana lebuah, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit.
 - c. dengan menanam penopang iklan pilihanraya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang di ubinkan atau kaki lima atau:
 - d. dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh YBhg. Datuk Bandar dalam permit.
6. Dilarang mempamerkan iklan pilihanraya di tempat tertentu :
 - a. mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atau membina atau mendirikan apa-apa papan tanda atau struktur lain mengikut apa-apa cara sehinggakan ia meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalulintas, tanda arahan atau lampu perhiasan;
 - b. mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atas atau merintanggi mana-mana lebuah atau ;
 - c. mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa- apa cara lain yang merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.